

YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak
Perdana Menteri Malaysia
Pejabat Perdana Menteri
Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

**UCAPAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH:
MAJLIS PERASMIAN BANGUNAN MENARA RAZAK UTM KUALA LUMPUR &
PELANCARAN BUKU PROJEK PEMBANGUNAN UTM DI BAWAH RMK-9**

Saya mewakili seluruh warga universiti mendoakan YAB Dato' Sri serta keluarga berada dalam keadaan sihat wal afiat dan sentiasa dalam perlindungan Allah SWT.

2. Saya dan seluruh warga Universiti Teknologi Malaysia merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kesudian YAB Dato' Sri menyempurnakan Majlis Perasmian Bangunan Menara Razak UTM Kuala Lumpur dan Pelancaran Buku Projek Pembangunan UTM di Bawah RMK-9 pada 8 Januari 2015 yang lalu di UTM Kuala Lumpur.

3. Sesungguhnya kehadiran YAB Dato' Sri ini amat bermakna dan membuka lembaran baharu kepada perkembangan dan kemajuan UTM sebagai salah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam utama di Malaysia ke arah mencapai sasaran berada dalam kalangan 50 universiti terbaik dunia dalam bidang teknologi dan kejuruteraan.

4. Kami juga amat berbesar hati di atas kesudian YAB Dato' Sri melancarkan buku Projek Pembangunan UTM Di Bawah RMK-9. Buku tersebut mendokumentasikan pengalaman UTM dalam menguruskan pelaksanaan projek RMK-9 yang bernilai RM1 bilion. Kepercayaan yang diberikan oleh pihak Kerajaan khususnya Kementerian Pengajian Tinggi ketika itu dan Perbendaharaan amat kami sanjung tinggi. Penerbitan buku tersebut dapat memberi manfaat, panduan dan menjadi rujukan dalam pengurusan projek-projek pembinaan terutamanya dalam pembinaan kampus universiti di Malaysia. Kami juga bersedia untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan dengan pelbagai pihak yang terlibat dalam bidang pembinaan dan pengurusan projek pada masa depan.

-2-

Akhir kata, kami amat menyanjungi segala perhatian dan sokongan berterusan YAB Dato' Sri kepada UTM demi memartabatkan pengajian tinggi negara, di samping memastikan kesinambungan kemajuan dan kemakmuran negara serta memacu peradaban bangsa dan negara.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar,

PROF. DATUK IR. DR. WAHID BIN OMAR
Naib Canselor

No. Ref:201401289